

Lebih 5,000 jawatan ditawarkan Karnival Kerjaya Keluarga Malaysia Johor

Oleh Mohamed Farid Noh dan Mahaizura Abd Malik - Mac 6, 2022
bhnews@bh.com.my



Ismail Sabri beramah mesra dengan orang ramai pada Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 Peringkat Johor di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Pontian, hari ini. - NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

PONTIAN: Lebih 5,000 jawatan kosong ditawarkan oleh 20 majikan daripada pelbagai industri seluruh negara, pada Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 Peringkat Johor, di sini.

Karnival kerjaya itu dilancarkan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, hari ini, adalah kesinambungan inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia yang juga dilancarkan Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, 19 Februari lalu.

Yang turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Menteri Besar Johor, Datuk Seri Hasni Mohammad; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan; dan Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Karnival berkenaan merupakan usaha Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk membolehkan peluang pekerjaan ditawarkan secara langsung kepada orang ramai, khususnya di daerah ini dan kawasan sekitarnya.

Selain itu, ia juga antara inisiatif bawah Jamin Kerja – Insentif Penggajian (JKIP), iaitu satu daripada tiga komponen dalam Jamin Kerja Keluarga Malaysia yang diumumkan dalam Belanjawan 2022.

Dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion, JKIP bermatlamat merangsang majikan mencipta pekerjaan dan membuat pengambilan pekerja baharu, membabitkan sasaran 300,000 pekerja sepanjang tahun ini.

Karnival itu menyediakan pelbagai perkhidmatan pekerjaan kepada pencari kerja, antara lain bantuan pendaftaran dalam Portal Pekerjaan Negara - MYFutureJobs, sesi kaunseling kerjaya, bantuan penyediaan resume dan sesi temu duga terbuka bersama majikan.

Antara jawatan kosong ditawarkan ialah jurutera, juruteknik, juruukur bahan, tukang masak, cef, kru restoran, pembantu klinik, pengurus akaun dan pemasaran, kerani serta perantis.

Majikan yang menawarkan peluang pekerjaan pula meliputi syarikat swasta dan sektor awam, termasuk agensi kerajaan seperti Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA), PERKESO serta HRD Corp.

Selain Pontian, karnival secara fizikal sepenuhnya itu turut diadakan di Johor Bahru pada 3 Mac lalu dan Mersing, semalam.

Sementara itu, pengunjung karnival berkenaan memuji keprihatinan PERKESO dan inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia membantu pencari pekerjaan mendapatkan peluang kerjaya.

Antaranya, Rosmawati Rahmat, 48, yang berterima kasih atas usaha berkenaan kerana membantu beliau memperoleh pekerjaan.

"Saya dibuang kerja pada April tahun lalu. Namun, PERKESO menerusi MYFutureJobs membantu saya mendapatkan pekerjaan selepas sebulan menganggur.

"Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia amat bermanfaat, serta perlu diperluaskan ke lebih banyak tempat bagi membantu penganggur dan graduan mendapatkan pekerjaan," katanya.

Graduan, Nur Ain Syafirah Hussin, 21, pula menyifatkan kehadirannya ke karnival di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, di sini itu sebagai langkah kanan apabila mendapat tawaran untuk bekerja di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Iskandar Puteri.

"Saya ditawarkan pekerjaan sebagai pemandu 'prime mover' dengan gaji RM1,200 sebulan, selain pelbagai elauan dan latihan.

"Saya memang hendak bekerja di PTP sebab meminati sektor pelabuhan yang membabitkan banyak kapal dan lori. Saya mahu membuktikan bahawa wanita juga boleh bekerja dalam sektor ini," katanya yang tinggal Kampung Tenggayun, dekat sini.